NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 47
No. 25

**11hb Disember 2003**

*TAMBAHAN No. 4*
*ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Melaka pada 12 November 2003, adalah diisytiharkan untuk makluman umum:

| No. Enakmen | Tajuk ringkas | Muka Surat |
|---|---|---|
| 8 | Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) (Pindaan) 2003 | 57 |
| 9 | Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2003 | 65 |
| 10 | Enakmen Perbekalan (2004) 2003 | 73 |

The following Enactments passed by the Legislative Assembly, Malacca on the 12 November 2003, are published for general information:

| Enactment No. | Short title | Page |
|---|---|---|
| 8 | Control of Islamic Religious Schools (Malacca) (Amendment) Enactment 2003 | 61 |
| 9 | Supplementary Supply (No. 2) Enactment 2003 | 69 |
| 10 | Supply (2004) Enactment 2003 | 75 |

**MELAKA**

# ENAKMEN No. 8 tahun 2003

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR NEGERI, Negeri Melaka)

TUN DATUK SERI UTAMA
SYED AHMAD AL-HAJ BIN
SYED MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,*
*Negeri Melaka*

6 Disember 2003

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002.

[ ]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) (Pindaan) 2003. Tajuk ringkas.

**2.** Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 [*Enakmen No. 3 tahun 2002*], yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, dipinda dalam perenggan 18(1)*(c)* dengan menggantikan perkataan "sebagaimana yang ditetapkan" dengan perkataan "yang ditentukan oleh Majlis". Pindaan seksyen 18.

**3.** Seksyen 22 Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah Enakmen ini" dengan perkataan "bagi memastikan bahawa Enakmen ini". Pindaan seksyen 22.

Pindaan seksyen 25.

**4.** Subseksyen 25(2) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar daripada mendakwa" dengan perkataan "pendakwaan terhadap".

Pindaan seksyen 34.

**5.** Seksyen 34 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "Pendakwa Raya"; dan

*(b)* dengan memotong subseksyen (2).

Seksyen baru 37A.

**6.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk meng-kompaun kesalahan.

37A. (1) Pengarah boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini kecuali suatu kesalahan di bawah subseksyen 5(3) atau 18(2) dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu yang boleh dikenakan kepada orang itu sekiranya dia telah disabitkan atas kesalahan itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1)—

*(a)* tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat; dan

*(b)* apa-apa barang atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan atau dilucuthakkan atau dimusnahkan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pengarah.

(4) Apa-apa wang yang dibayar kepada Pengarah menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.”.

Diluluskan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang telah bersidang pada 12 November 2003.

[PUN(M)353/46/62]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Melaka*

**MALACCA**

# ENACTMENT No. 8 of 2003

I ASSENT,

(STATE SEAL, State of Malacca)

TUN DATUK SERI UTAMA
SYED AHMAD AL-HAJ BIN
SYED MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,*
*State of Malacca*

6 December 2003

An Enactment to amend the Control of Islamic Religious Schools (Malacca) Enactment 2002.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Malacca as follows:

**1.** This Enactment may be cited as the Control of Islamic Religious Schools (Malacca) (Amendment) Enactment 2003. Short title.

**2.** The Control of Islamic Religious Schools (Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 3 of 2002*], which in this Enactment is referred to as the "principal Enactment" is amended in paragraph 18(1)*(c)* by substituting for the words "as may be prescribed" the words "as specified by the Majlis". Amendment of section 18.

Amendment of section 22.

**3.** Section 22 of the principal Enactment is amended in the national language text by inserting after the words "di bawah Enakmen ini" the words "bagi memastikan bahawa Enakmen ini".

Amendment of section 25.

**4.** Subsection 25(2) of the principal Enactment is amended by substituting for the words "Registrar from prosecuting" the words "prosecution against".

Amendment of section 34.

**5.** Section 34 of the principal Enactment is amended—

*(a)* in subsection (1), by substituting for the word "Director" the words "Public Prosecutor"; and

*(b)* by deleting subsection (2).

New section 37A.

**6.** The principal Enactment is amended by inserting after section 37 the following section:

"Power to compound offences.

37A. (1) The Director may, with the written consent of the Public Prosecutor, compound any offence under this Enactment except an offence under subsection 5(3) or 18(2) by accepting from the person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding fifty per centum of the maximum fine for that offence to which that person would have been liable if he had been convicted of that offence within such time as may be specified in his written offer.

(2) An offer under subsection (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount so specified in the offer is not paid within the time specified in the offer, or such extended time as the Director may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under subsection (1)—

*(a)* no prosecution shall be instituted in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made; and

*(b)* any article or thing seized in connection with the offence shall be released or forfeited or destroyed, subject to such terms and conditions as may be imposed by the Director.

(4) Any money paid to the Director pursuant to subsection (1) shall be paid into and form part of the Consolidated Fund.”.

Passed in the State Legislative Assembly on 12 November 2003.

[PUN(M)353/46/62]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
*Clerk of Legislative Assembly,*
*Malacca*

**MELAKA**

# ENAKMEN No. 9 tahun 2003

SAYA PERKENANKAN,

| | |
|---|---|
| (MOHOR NEGERI, Negeri Melaka) | TUN DATUK SERI UTAMA SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, *Yang di-Pertua Negeri, Negeri Melaka* |

6 Disember 2003

Suatu Enakmen bagi menggunakan jumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud tertentu.

[ ]

BAHAWASANYA sebanyak satu ratus tujuh puluh tujuh juta tujuh ratus lapan puluh sembilan ribu tujuh ratus empat puluh ringgit (RM177,789,740) telah diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan (2003) 2002 (*Enakmen No. 16 Tahun 2002*) bagi perkhidmatan tahun 2003.

DAN BAHAWASANYA adalah dikehendaki sekarang untuk mengadakan peruntukan lagi sebanyak sepuluh juta lima ratus lima belas ribu tiga ratus ringgit (RM10,515,300).

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

Tajuk ringkas.

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2003.

Pengeluaran wang RM10,515,300 daripada Kumpulan Wang Disatukan.

**2.** (1) Adalah dengan ini dibenarkan pengeluaran wang tidak melebihi sepuluh juta lima ratus lima belas ribu tiga ratus ringgit (RM10,515,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 2003 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Enakmen Perbekalan (2003) 2002.

(2) Wang yang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

| *Maksud* | *Tajuk* | *Amaun* (RM) |
|---|---|---|
| B. 01 | Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri | 157,200 |
| B. 02 | Dewan Undangan Negeri | 136,900 |
| B. 03 | Jabatan Ketua Menteri | 1,652,300 |
| B. 04 | Jabatan Pertanian | 154,300 |
| B. 05 | Pejabat Tanah dan Galian | 154,000 |
| B. 06 | Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah | 423,800 |
| B. 07 | Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah | 84,000 |
| B. 08 | Pejabat Daerah dan Tanah Jasin | 421,300 |
| B. 09 | Sumbang Kepada Kumpulan Wang Berkanun | 692,000 |
| B. 11 | Jabatan Hutan | 36,800 |
| B. 12 | Jabatan Kerja Raya | 515,000 |

| *Maksud* | *Tajuk* | *Amaun* (RM) |
|---|---|---|
| B. 13 | Jabatan Agama Islam Melaka | 2,552,300 |
| B. 15 | Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan | 3,148,000 |
| B. 16 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 56,000 |
| B. 17 | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | 113,700 |
| B. 18 | Mahkamah Syariah | 77,700 |
| B. 19 | Jabatan Mufti | 140,000 |
| | JUMLAH ... | 10,515,300 |

Diluluskan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang telah bersidang pada 12 November 2003.

[PWN.(M) Sulit 06/5/Jld. IV; PUN(M)144/4/4]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Melaka*

**MALACCA**

# ENACTMENT No. 9 of 2003

I ASSENT,

(STATE SEAL, State of Malacca)

TUN DATUK SERI UTAMA
SYED AHMAD AL-HAJ BIN
SYED MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,*
*State of Malacca*

6 December 2003

An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for additional expenditure for the service of the year 2003 and to appropriate such sum for certain purposes.

[ ]

WHEREAS the sum of one hundred seventy-seven million seven hundred and eighty-nine thousand seven hundred and fourty ringgit (RM177,789,740) has been provided by the Supply (2003) Enactment 2002 (*Enactment No. 16 of 2002*) for the service of the year 2003.

AND WHEREAS it is now required to make further provision of ten million five hundred and fifteen thousand and three hundred ringgit (RM10,515,300).

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Malacca as follows:

**1.** This Enactment may be cited as the Supplementary Supply (No. 2) Enactment 2003. Short title.

Issue of RM10,515,300 from the Consolidated Fund.

**2.** (1) The issue is hereby authorised of a sum not exceeding ten million five hundred and fifteen thousand and three hundred ringgit (RM10,515,300) from the Consolidated Fund for the expenditure on the service of the year 2003, not provided or not fully provided by the Supply (2003) Enactment 2002.

(2) The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule.

SCHEDULE

(Section 2)

| *Purpose* | *Title* | *Amount* (RM) |
|---|---|---|
| B. 01 | Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri | 157,200 |
| B. 02 | Dewan Undangan Negeri | 136,900 |
| B. 03 | Jabatan Ketua Menteri | 1,652,300 |
| B. 04 | Jabatan Pertanian | 154,300 |
| B. 05 | Pejabat Tanah dan Galian | 154,000 |
| B. 06 | Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah | 423,800 |
| B. 07 | Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah | 84,000 |
| B. 08 | Pejabat Daerah dan Tanah Jasin | 421,300 |
| B. 09 | Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun | 692,000 |
| B. 11 | Jabatan Hutan | 36,800 |
| B. 12 | Jabatan Kerja Raya | 515,000 |
| B. 13 | Jabatan Agama Islam Melaka | 2,552,300 |
| B. 15 | Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan | 3,148,000 |
| B. 16 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 56,000 |
| B. 17 | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | 113,700 |

| *Purpose* | *Title* | *Amount* (RM) |
|---|---|---|
| B. 18 | Mahkamah Syariah | 77,700 |
| B. 19 | Jabatan Mufti | 140,000 |
| | TOTAL ... | 10,515,300 |

Passed in the State Legislative Assembly on 12 November 2003.

[PWN.(M) Sulit 06/5/Jld. IV; PUN(M)144/4/4]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
*Clerk of Legislative Assembly,*
*Malacca*

**MELAKA**

# ENAKMEN No. 10 tahun 2003

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR NEGERI, Negeri Melaka)

TUN DATUK SERI UTAMA SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,*
*Negeri Melaka*

6 Disember 2003

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[ ]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2004) 2003.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2004.

**2.** Adalah dengan ini dibenarkan pengeluaran wang tidak melebihi dua ratus tiga puluh tujuh juta enam ratus tiga puluh tiga ribu satu ratus lima puluh ringgit (RM237,633,150) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan tahun 2004, dan jumlah wang tersebut itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN NEGERI

| *Maksud* | *Tajuk* | *Amaun* (RM) |
|---|---|---|
| B. 01 | Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri | 798,640 |
| B. 02 | Dewan Undangan Negeri | 7,778,240 |
| B. 03 | Jabatan Ketua Menteri | 20,718,510 |
| B. 04 | Jabatan Pertanian | 3,725,150 |
| B. 05 | Pejabat Tanah dan Galian | 3,546,000 |
| B. 06 | Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah | 3,642,970 |
| B. 07 | Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah | 3,922,890 |
| B. 08 | Pejabat Daerah dan Tanah Jasin | 3,289,550 |
| B. 09 | Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun | 106,307,610 |
| B. 10 | Jabatan Pengairan dan Saliran | 8,639,190 |
| B. 11 | Jabatan Hutan Daerah | 1,109,410 |
| B. 12 | Jabatan Kerja Raya | 16,797,430 |
| B. 13 | Jabatan Agama Islam Melaka | 27,521,350 |
| B. 14 | Jabatan Kebajikan Masyarakat | 4,720,740 |
| B. 15 | Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan | 20,644,980 |
| B. 16 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 1,437,980 |
| B. 17 | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | 1,014,290 |
| B. 18 | Mahkamah Syariah | 1,299,850 |
| B. 19 | Pejabat Mufti | 718,370 |
| | JUMLAH ... | 237,633,150 |

Diluluskan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang telah bersidang pada 12 November 2003.

[PWN.(M) Sulit 06/5/Jld. IV; PUN(M)144/4/4]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Melaka*

**MALACCA**

# ENACTMENT No. 10 of 2003

I ASSENT,

(STATE SEAL, State of Malacca)

TUN DATUK SERI UTAMA
SYED AHMAD AL-HAJ BIN
SYED MAHMUD SHAHABUDIN,
*Yang di-Pertua Negeri,*
*State of Malacca*

6 December 2003

An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the service of the year 2004 and to appropriate that sum for the service of that year.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Malacca as follows:

Short title and commencement.

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Supply (2004) Enactment 2003.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 January 2004.

Issue and appropriation for service of the year 2004.

**2.** The issue of a sum not exceeding two hundred thirty-seven million six hundred and thirty-three thousand one hundred and fifty ringgit (RM237,633,150) from the Consolidated Fund for the service of the year 2004 is hereby authorised, and the sum is appropriated for the purpose specified in the Schedule.

SCHEDULE

STATE SERVICES

| *Purpose* | *Title* | *Amount* (RM) |
|---|---|---|
| B. 01 | Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri | 798,640 |
| B. 02 | Dewan Undangan Negeri | 7,778,240 |
| B. 03 | Jabatan Ketua Menteri | 20,718,510 |
| B. 04 | Jabatan Pertanian | 3,725,150 |
| B. 05 | Pejabat Tanah dan Galian | 3,546,000 |
| B. 06 | Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah | 3,642,970 |
| B. 07 | Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah | 3,922,890 |
| B. 08 | Pejabat Daerah dan Tanah Jasin | 3,289,550 |
| B. 09 | Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun | 106,307,610 |
| B. 10 | Jabatan Pengairan dan Saliran | 8,639,190 |
| B. 11 | Jabatan Hutan Daerah | 1,109,410 |
| B. 12 | Jabatan Kerja Raya | 16,797,430 |
| B. 13 | Jabatan Agama Islam Melaka | 27,521,350 |
| B. 14 | Jabatan Kebajikan Masyarakat | 4,720,740 |
| B. 15 | Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan | 20,644,980 |
| B. 16 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 1,437,980 |
| B. 17 | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | 1,014,290 |
| B. 18 | Mahkamah Syariah | 1,299,850 |

| *Purpose* | | *Title* | *Amount* (RM) |
|---|---|---|---|
| B. 19 | Pejabat Mufti | | 718,370 |
| | | TOTAL ... | 237,633,150 |

Passed in the State Legislative Assembly on 12 November 2003.

[PWN.(M) Sulit 06/5/Jld. IV; PUN(M)144/4/4]

MAKMUN BIN HJ. MD. SABARI,
*Clerk of Legislative Assembly,*
*Malacca*

**Hakcipta Pencetak** Ⓗ
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA